

**PEMIKIRAN *MAQĀṢID AL-SYARI‘AT* DALAM  
EKONOMI ISLAM ARUS PERDANA:  
SATU PENILAIAN**

**NORASHIKIN BINTI AHMAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**PEMIKIRAN *MAQĀṢID AL-SYARĪ‘AT* DALAM  
EKONOMI ISLAM ARUS PERDANA:  
SATU PENILAIAN**

oleh

**NORASHIKIN BINTI AHMAD**

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah

**September 2023**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya dan para sahabat Baginda. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah dipermudahkan segala urusan dalam menyelesaikan kerja-kerja penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Sehubungan dengan itu, dalam menyiapkan penulisan tesis ini, terdapat enam pihak yang ingin dirakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas bantuan secara langsung atau tidak langsung. Pertamanya kepada Profesor Madya Dr Mohd Shukri Hanapi selaku Penyelia Utama dan Dr Mohd Syakir Mohd Rosdi selaku Penyelia Bersama yang memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, cadangan dan teguran kepada penyelidik sehingga penulisan ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kesanggupan mereka dalam meluangkan masa dan tenaga sepanjang penulisan ini adalah satu pengorbanan yang besar. Sesungguhnya Allah SWT sahajalah sebaik-baik Pemberi ganjaran.

Keduanya kepada pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini iaitu Profesor Madya Dr Jasni Sulong, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM); Profesor Madya Dr Ahmad Azrin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM); Dr Mohd Zulkifli Muhammad, pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK); dan Dr Raudha Md Ramli, pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penglibatan kesemua pakar telah memberikan input yang berguna untuk menambah baik kajian ini.

Ketiganya kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang sering menjadi tempat rujukan bagi penyelidik. Kepakaran dan sikap mesra pensyarah di ISDEV sangat membantu penyelidik dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Keempatnya kepada rakan-rakan seperjuangan Dr Kasimah Kamarudin, Dr Shahirah Said, Dr Siti Mastura Muhammad, Dr Nurul Farhana Yahaya, dan Dr Norhafizah Abdul Halim yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada penyelidik. Tidak dilupakan juga buat semua rakan seperjuangan di ISDEV yang banyak membantu penyelidik secara langsung atau tidak langsung, mendoakan, memberi nasihat dan kata-kata semangat dalam menghasilkan penulisan ini.

Kelimanya ialah pihak Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM); Perpustakaan Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia (USM); Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Perpustakaan Universiti Malaya (UM); dan Perpustakaan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Juga penghargaan kepada USM dengan penganugerahan Projek Geran Penyelidikan Jangka Pendek (304.CISDEV.6316005) yang bertajuk *Pemikiran Maqāṣid al-Syari‘at dalam Ekonomi Islam Arus Perdana*. Projek ini sangat membantu dari aspek kewangan kepada penyelidik.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa buat bonda tercinta, Kamariah Awang dan kekanda di atas doa dan restu yang sentiasa mengiringi perjuangan adinda serta sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi. Di samping itu, penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada almarhum ayahanda tercinta Haji Ahmad Haji Che Leh. Beliau merupakan seorang insan yang banyak memberi dorongan dan motivasi kepada penyelidik sebelum pemergiannya. Semoga Allah SWT merahmati almarhum ayahanda dan ahli keluarga yang dikasihi.

### **Norashikin Ahmad**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
Pulau Pinang

September 2023

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>x</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI .....</b>	<b>xi</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan .....	1
1.2    Latar Belakang Kajian .....	2
1.2.1    Perkembangan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> Pada Zaman Klasik .....	3
1.2.2    Perkembangan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> Pada Zaman Kontemporari dan Arus Perdana .....	6
1.2.3 <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam Arus Perdana .....	10
1.3    Pernyataan Masalah.....	14
1.4    Objektif Kajian .....	18
1.5    Persoalan Kajian.....	19
1.6    Definisi Operasional .....	20
1.6.1    Pemikiran .....	21
1.6.2 <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	23
1.6.3    Ekonomi Islam Arus Perdana .....	26
1.7    Skop dan Batasan Kajian.....	29
1.8    Kepentingan Kajian.....	32
1.9    Sumbangan Kajian .....	32
1.10    Organisasi Tesis .....	33

1.11	Kesimpulan.....	35
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN DAN KARYA .....</b>		<b>36</b>
2.1	Pendahuluan .....	36
2.2	Kajian Lepas.....	36
2.2.1	Kajian Konsep <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	37
2.2.2	Kajian Pendekatan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	46
2.2.3	Kajian Pemikiran Ekonomi Islam .....	52
2.2.4	Kajian Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam.....	56
2.2.5	Kajian Ekonomi Islam Arus Perdana.....	65
2.3	Analisis Kajian Lepas.....	71
2.4	Sorotan Karya.....	75
2.4.1	Konsep <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	76
2.4.2	Aplikasi <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	81
2.4.3	Falsafah Ekonomi Islam Arus Perdana.....	87
2.4.4	Metodologi Ekonomi Islam Arus Perdana.....	95
2.5	Analisis Sorotan Karya.....	99
2.6	Kerangka Konseptual Kajian .....	101
2.7	Kesimpulan.....	103
<b>BAB 3 KAEADAH PENYELIDIKAN.....</b>		<b>104</b>
3.1	Pendahuluan .....	104
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	104
3.3	Kaedah Pengumpulan Data .....	108
3.3.1	Sumber Utama.....	110
3.3.2	Sumber Kedua.....	111
3.3.3	Sumber Ketiga.....	113
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data .....	113
3.4.1	Triangulasi .....	114

3.4.2	Pengesahan Pakar.....	115
3.4.2	Dapatan Pengesahan Pakar.....	118
3.5	Kaedah Penganalisisan Data .....	120
3.6	Kesimpulan.....	125
<b>BAB 4 KONSEP PEMIKIRAN <i>MAQĀṢID AL-SYARI‘AT</i> DALAM EKONOMI ISLAM ARUS PERDANA .....</b>	<b>126</b>	
4.1	Pendahuluan .....	126
4.2	Konsep Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	126
4.2.1	Dimensi-Dimensi <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	129
4.2.1(a)	Klasifikasi Tradisional .....	129
4.2.1(b)	Skop Perundangan dalam <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	160
4.2.1(c)	Peringkat Kesejagatan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	167
4.2.2	Aliran Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	169
4.2.2(a)	Aliran Neo Zahiri.....	171
4.2.2(b)	Aliran Menggugurkan Nas Atas Nama <i>Maṣlahat</i> dan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	178
4.2.2(c)	Aliran <i>Wasaṭiyyat</i> .....	185
4.2.3	Pendekatan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	193
4.3	Aliran Pemikiran Ekonomi Islam Arus Perdana .....	199
4.4	Kesimpulan.....	204
<b>BAB 5 ANALISIS PEMIKIRAN <i>MAQĀṢID AL-SYARI‘AT</i> DALAM EKONOMI ISLAM ARUS PERDANA .....</b>	<b>206</b>	
5.1	Pendahuluan .....	206
5.2	Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam Arus Perdana .....	206
5.3	Bentuk-Bentuk Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam Arus Perdana .....	225
5.3.1	Bersikap Terbuka .....	225
5.3.2	Fleksibel.....	227

5.3.3	Membezakan Tujuan Syariah Yang Tetap ( <i>al-Thawābit</i> ) dan Wasilah Yang Berubah ( <i>al-Mutaghayyirāt</i> ) .....	233
5.4	Corak Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam Arus Perdana .....	235
5.4.1	Terikat Dengan Ijtihad Fiqh Klasik .....	236
5.4.2	<i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> Sebagai Matlamat Untuk Mencapai <i>al-Falāh</i> .....	241
5.4.3	<i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> Sebagai Tujuan Menghasilkan Teori Ekonomi Islam .....	244
5.4.4	Tahap Kepentingan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Kepenggunaan.....	248
5.4.1(a)	<i>Al-Darūriyyat</i> (Keperluan Asasi).....	248
5.4.2(b)	<i>Al-Hājiyyat</i> (Keperluan Biasa).....	250
5.4.3(c)	<i>Al-Tahsīniyyat</i> (Kehendak Kemewahan).....	251
5.5	Rumusan Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam Arus Perdana .....	253
5.6	Kesimpulan.....	258
<b>BAB 6 PENUTUP.....</b>	<b>259</b>	
6.1	Pendahuluan .....	259
6.2	Hasil Penemuan Utama dan Rumusan Kajian.....	259
6.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar .....	270
6.3.1	Implikasi Pemahaman Terhadap Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	270
6.3.2	Implikasi Terhadap Ekonomi Islam Arus Perdana .....	271
6.4	Saranan Kajian Masa Hadapan .....	272
6.4.1	Subjek Kajian .....	272
6.4.2	Kaedah Kajian.....	273
6.5	Kesimpulan.....	273
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>275</b>	
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian.....	20
Jadual 3.1 Justifikasi Pemilihan Pakar .....	116
Jadual 3.2 Maklumat Pertemuan Pengesahan Pakar .....	118
Jadual 3.3 Ringkasan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan.....	123
Jadual 4.1 Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> Menurut Sarjana Kontemporari....	167
Jadual 4.2 Hasil Fiqh Aliran Neo Zahiri .....	177
Jadual 4.3 Hasil Fiqh dalam Aliran Yang Menggugurkan <i>Nas</i> Atas Nama <i>Maṣlahat</i> dan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> .....	183
Jadual 4.4 Fatwa-Fatwa Aliran <i>Wasaṭiyyat</i> .....	191
Jadual 4.5 Ringkasan Jenis Ibadat Berdasarkan Pendekatan <i>Maqāṣid al-</i> <i>Syari‘at</i> .....	198
Jadual 4.6 Corak Pemikiran dalam Ekonomi Islam .....	200
Jadual 4.7 Kelemahan Ekonomi Islam Arus Perdana .....	203
Jadual 5.1 Ringkasan Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam Arus Perdana .....	207
Jadual 5.2 Analisis Kepenggunaan dalam Islam .....	214
Jadual 5.3 Matrik Corak Pemikiran <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> dalam Ekonomi Islam Arus Perdana .....	235
Jadual 6.1 Jawapan Kepada Objektif dan Persoalan Kajian .....	263

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian ..... 102
Rajah 4.1	Pembahagian <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> Mengikut Keutamaan ..... 130
Rajah 4.2	Elemen <i>Darūriyyat al-Khams</i> dalam <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> ..... 133
Rajah 4.3	Skop-Skop Perundangan ..... 166
Rajah 4.4	Ciri-ciri Aliran Neo Zahiri ..... 174
Rajah 4.5	Asas Pemikiran Neo Zahiri ..... 176
Rajah 4.6	Asas Pemikiran Aliran Yang Menggugur <i>Nas</i> Atas Nama <i>Maṣlahat</i> dan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> ..... 182
Rajah 4.7	Ciri-ciri Aliran <i>Wasaṭiyat</i> ..... 187
Rajah 4.8	Prinsip Asas Aliran <i>Wasaṭiyat</i> ..... 189
Rajah 4.9	Pendekatan <i>Maqāṣid al-Syari‘at</i> ..... 193
Rajah 5.1	Metodologi Ekonomi Islam ..... 216
Rajah 5.2	Kaedah Islamisasi Separa ..... 230
Rajah 5.3	Analogi Islamisasi dalam Bentuk Separa ..... 232
Rajah 5.4	Kaedah Islamisasi Ekonomi Islam Untuk Mencapai Tujuan Syariah ..... 257

## SENARAI SINGKATAN

ACIS	Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari
Bil.	Bilangan
CAST	<i>Change Assessment and Scoring Tool</i>
Dlm.	Dalam
ed.	Edisi
Ed.	Seorang Editor
Eds.	Dua Orang atau Ramai Editor
FKP	Fakulti Keushawanan dan Perniagaan
H	Hijrah (Tahun)
Hlm.	Halaman
ISDEV	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam <i>(Centre for Islamic Development Management Studies)</i>
Jld.	Jilid
KIAS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
LZS	Lembaga Zakat Selangor
M	Masihi (Tahun)
MAIDAM	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
PBI	Pembangunan Berteraskan Islam
PPIK	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Samb.	Sambungan
SAW	<i>Šalla Allāh ‘alayh wa Sallām</i>
SWT	<i>Subḥānāh wa Ta‘ālā</i>
t.t	Tanpa Tahun
Terj.	Terjemahan
UiTM	Universiti Teknologi Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
Vol.	<i>Volume</i>

## PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
ẗ	ط	-	ا
ڙ	ڙ	b	ب
'	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ڻ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
,	ء	sy	ش
y	ي	§	ص
ẗ	ڦ	ڏ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	—́	ā	ā́	ay	أَيْ
i	—̄	ī	ī̄	aw	أَوْ
u	—؂	ū	ū؂		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

# **PEMIKIRAN *MAQĀṢID AL-SYARI‘AT* DALAM EKONOMI ISLAM ARUS**

## **PERDANA: SATU PENILAIAN**

### **ABSTRAK**

Pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* merujuk kepada aliran pemikiran dalam *maqāṣid al-syari‘at* yang wujud dalam memahami ilmu *maqāṣid al-syari‘at*. Ia merupakan satu disiplin ilmu dalam bidang *uṣūl al-fiqh* yang mendapat perhatian masa ini. Faktor utama yang mendorong penggunaannya adalah disebabkan disiplin ilmu ini mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Seiring dengan perkembangan semasa, *maqāṣid al-syari‘at* juga mengalami fasa-fasa perkembangannya tersendiri sehingga menjadi satu disiplin ilmu yang sangat penting. Hal ini disebabkan lahirnya pelbagai aliran pemikiran yang wujud dalam memahami *maqāṣid al-syari‘at*. Ia telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi Islam. Namun begitu, terdapat dakwaan yang menyatakan sarjana ekonomi Islam masih lagi menerima tasawur, dasar falsafah dan definisi ekonomi konvensional. Persoalannya, adakah *maqāṣid al-syari‘at* mendasari aspek-aspek pembinaan dalam ekonomi Islam arus perdana? Bagaimanakah *maqāṣid al-syari‘at* dinyatakan atau diaplikasikan dalam ekonomi Islam arus perdana? Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini akan dilakukan berdasarkan tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti konsep pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana; kedua, menganalisis pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana; dan ketiga, merumuskan corak pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif asas dan menggunakan data sekunder yang terdiri dari pelbagai kitab, kajian dan karya

terdahulu dan lain-lain lagi. Kemudian data tersebut dianalisis berdasarkan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana terbentuk berdasarkan tiga aspek utama iaitu bersikap terbuka, fleksibel dan *maṣlaḥat* yang tetap (*al-thawābit*) dan berubah-ubah (*al-mutaghayyirāt*). Kajian ini merumuskan bahawa terdapat empat corak pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Pertama, terikat dengan ijtihad fiqh klasik; kedua, *maqāṣid al-syari‘at* sebagai matlamat untuk mencapai *al-falāḥ*; ketiga, *maqāṣid al-syari‘at* sebagai tujuan menghasilkan teori ekonomi Islam; dan keempat, tahap kepentingan dalam ekonomi Islam berdasarkan *maqāṣid al-syari‘at*. Justeru, jelaslah bahawa pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* telah diaplikasikan dalam ekonomi Islam arus perdana oleh aliran pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat eklektisme-metodologik. Sebahagian daripada mereka lebih cenderung kepada aliran pemikiran ini. Walaupun sarjana ekonomi Islam arus perdana merujuk *maqāṣid al-syari‘at*, tetapi mereka terikat dengan pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat eklektisme-metodologik.

***MAQĀṢID AL-SYARI‘AT* THOUGHT IN MAINSTREAM ISLAMIC  
ECONOMICS: AN EVALUATION**

**ABSTRACT**

The *maqāṣid al-syari‘at* thought refers to a school of thought in *maqāṣid al-syari‘at* that exists in understanding the knowledge of *maqāṣid al-syari‘at*. It is a knowledge discipline in the field of *uṣūl al-fiqh* which currently draws attention. The main factor leading to its use is because this knowledge discipline covers the entire aspects of human life. In line with the current advancement, *maqāṣid al-syari‘at* also experiences its own phases of progress to the point it becomes an exceedingly crucial knowledge discipline. This is due to the coming of diverse schools of thought which exist in understanding *maqāṣid al-syari‘at*. It has been applied in a myriad of fields including Islamic economics. However, there have been claims stating that Islamic economics scholars are still acceptive of the *tasawur*, philosophical foundations, and definitions of conventional economics. The question is, does *maqāṣid al-syari‘at* underlie the constructive aspects in the mainstream Islamic economics? How is *maqāṣid al-syari‘at* stated or applied in the mainstream Islamic economics? Based on these problems, this study will be conducted based on three main objectives. First, to identify the concept of the *maqāṣid al-syari‘at* thought in the mainstream Islamic economics; second, to analyse the *maqāṣid al-syari‘at* thought in the mainstream Islamic economics; third, to formulate the pattern of the *maqāṣid al-syari‘at* thought in the mainstream Islamic economics. To achieve the objectives, this study utilized a basic qualitative design and used secondary data comprising a variety of prior books, research, and work and so forth. Then the data was analysed based on content

analysis. The research findings discovered the *maqāṣid al-syārī‘at* thought in the mainstream Islamic economics is established based on three primary aspects, namely being open, flexible, and *maṣlaḥat* which are constant (*al-thawābit*) and dynamic (*al-mutaghayyirāt*). This research concluded that there are four patterns of the *maqāṣid al-syārī‘at* thought in the mainstream Islamic economics. First, to be bounded by the classic ijtihad of fiqh; second, *maqāṣid al-syārī‘at* as a goal to achieve *al-falāḥ*; third, *maqāṣid al-syārī‘at* as a purpose of producing Islamic economic theories; and fourth, the significance level in Islamic economics in reference to *maqāṣid al-syārī‘at*. Therefore, it is evident that *maqāṣid al-syārī‘at* thought has been applied in the mainstream Islamic economics by the accommodative-modification school of thought with the eclecticism-methodological nature.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan meneliti pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam aliran pemikiran ekonomi Islam. Secara lebih khusus pula, kajian ini memfokuskan tiga perkara utama. Pertama, mengenal pasti konsep pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana; kedua, menganalisis pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* sarjana ekonomi Islam arus perdana; dan ketiga, merumuskan corak pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Kajian ini akan melibatkan 13 orang sarjana ekonomi Islam arus perdana yang mempunyai pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* iaitu Muhammad Nejatullah Siddiqi, M. Fahim Khan, M. Umer Chapra, Syed Nawab Haider Naqvi, Hafas Furqani dan Mohamed Aslam Haneef, Mohammad Anas Zarqa, Abdullahi Abubakar Lamido, Muhammad Akram Khan, Mohammad Abdul Mannan, Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairul Nizam Wahid, Abdel Rahman Yousri Ahmed, Monzer Khaf dan Mohd Daud Bakar.

Pengenalpastian yang dilakukan bertujuan mengumpul pandangan-pandangan sarjana kontemporari berkaitan ekonomi Islam arus perdana. Seterusnya, penganalisisan yang dilakukan ini bertujuan memberi tumpuan berkaitan bentuk pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Hasil penganalisisan tersebut, kajian ini merumuskan corak pemikiran sarjana ekonomi Islam terhadap *maqāṣid al-syari‘at*.

Bagi menjelaskan lagi hala tuju kajian, Bab Satu ini memfokuskan sepuluh perkara utama iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian, organisasi tesis dan kesimpulan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

*Maqāṣid al-syārī‘at* merupakan satu disiplin ilmu dalam bidang *uṣūl al-fiqh* yang mendapat perhatian mutakhir ini. Disiplin ilmu ini telah diaplikasikan oleh para pengkaji dalam pelbagai bidang. Misalnya, politik, ekonomi, pendidikan dan perundangan Islam. Terdapat dua faktor utama yang mendorong pengaplikasian ilmu *maqāṣid al-syārī‘at*. Pertama, ilmu *maqāṣid al-syārī‘at* merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia; dan kedua, ilmu *maqāṣid al-syārī‘at* sesuai untuk diaplikasikan pada masa ini (Jasser Auda, 2014; Wan Mohd Yusuf Wan Chik, 2017:1).

Menurut Mohd Anuar Ramli, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, Mohammad Fuad Mohd Rozib dan Farhan Md Ariffin (2016:126), *maqāṣid al-syārī‘at* juga diaplikasikan sebagai kerangka analisis. Hal ini disebabkan ilmu *maqāṣid al-syārī‘at* tidak sukar seperti ilmu *uṣūl al-fiqh* dan mudah difahami. Di Malaysia, wacana tentang *maqāṣid al-syārī‘at* mula berkembang pada awal 1990-an dan semakin giat dibincangkan selepas tahun 2000 (Ridwan Jamal, 2010:1; Nora'in Bahari & Ahmad Hidayat Buang, 2016:1). Ringkasnya, ilmu *maqāṣid al-syārī‘at* semakin berkembang sehingga hari ini dan sentiasa relevan untuk diaplikasikan dalam pelbagai bidang.

Seiring dengan perkembangan semasa, *maqāṣid al-syārī‘at* juga mengalami fasa-fasa perkembangannya tersendiri. Ia merupakan satu disiplin ilmu yang perlu

diaplikasikan dalam kehidupan supaya selari dengan syariat Islam. Dahulunya, *maqāṣid al-syārī‘at* hanya sebahagian daripada ilmu *uṣūl al-fiqh*, kini *maqāṣid al-syārī‘at* sudah menjadi satu tema penting dalam arus perdana. Secara umumnya, perkembangan *maqāṣid al-syārī‘at* dapat dibahagikan kepada dua fasa utama iaitu perkembangan *maqāṣid al-syārī‘at* pada zaman klasik dan kontemporari. Kedua-dua fasa perkembangan *maqāṣid al-syārī‘at* ini diuraikan dalam subtopik 1.2.1 dan 1.2.2.

### 1.2.1 Perkembangan *Maqāṣid al-Syārī‘at* Pada Zaman Klasik

Jika diteliti dengan lebih mendalam, *maqāṣid al-syārī‘at* ialah satu disiplin ilmu yang telah diperkenalkan oleh para mujtahid sebelum al-Syāṭibiy (Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain, 2007:2). Menurut Abu Talib Mohammad Monawer dan Noor Naemah Abdul Rahman (2016:144), ilmu *maqāṣid al-syārī‘at* mula berkembang semenjak zaman Nabi Muhammad SAW diikuti oleh zaman para sahabat, *tābi‘* dan *tābi‘ tābi‘īn*. Pada kurun keempat, perkataan *maqāṣid* pertama kali digunakan oleh al-Hākim al-Tirmidhiy melalui karya-karyanya iaitu *al-Ṣalāt wa Maqāṣid* (solat dan tujuannya), *al-Hajj wa ‘Asrāruh* (ibadah haji dan rahsia di sebaliknya), *al-‘Illat* (alasan rahsia), *‘Ilal al-Syārī‘at* (rahsia syariat Islam), *‘Ilal al-‘Ubūdiyyat* (rahsia pengabdian) dan *al-Furiq* (pembahagian) (al-Raysūniy, 1996:4; Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain, 2007:2; Jasser Auda, 2014:22; Marwan Bukhari A. Hamid, 2021:106).

Selepas al-Hākim al-Tirmidhiy, muncul pula Abū Manṣūr al-Māturidiy<sup>1</sup> dengan karyanya *Ma’khd al-Syar‘* (sumber pengambilan syariat) diikuti Abū Bakr

<sup>1</sup> Nama sebenar Abū Manṣūr al-Māturidiy ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmud. Al-Māturidiy merupakan seorang pakar dalam bidang ilmu kalam. Beliau dikenali sebagai tokoh intelektual yang mempunyai kemampuan dalam berhujah dan pendiriannya sukar digugat (al-Marāghiy, 2001:126).

al-Qaffāl al-Kabīr al-Syāsyiy<sup>2</sup>. Kemudian muncul pula Abū Bakr al-Abhāriy<sup>3</sup> dan al-Bāqillāniy<sup>4</sup> (al-Raysūniy, 1995; Mohammad Hashim Kamali, 2006:117; Jasser Auda, 2014:22-25 & 2017:20-21).

Seterusnya, al-Juwainiy<sup>5</sup> merupakan seorang ulama *uṣūl al-fiqh* yang terawal mempelopori kajian berkenaan *maqāṣid al-syārī’at*. Al-Juwainiy (1980) berpendapat bahawa orang yang tidak mampu memahami dengan baik suruhan dan tegahan daripada Allah SWT dianggap tidak boleh melakukan *istinbāt* (mengeluarkan) hukum-hukum syariah. Al-Juwainiy merupakan orang yang pertama memperkenalkan konsep *al-darūriyyat* melalui karya pertamanya iaitu *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*<sup>6</sup>. Selepas al-Juwainiy, konsep *al-darūriyyat* (keperluan) ini

---

<sup>2</sup> Nama sebenar Abū Bakr al-Qaffāl al-Kabīr al-Syāsyiy ialah Muḥammad bin ‘Ali bin Ismā‘il al-Qaffāl al-Syāsyiy. Beliau dilahirkan di Syasy pada tahun 291H bersamaan 904M dan meninggal dunia pada tahun 365H bersamaan 976M. Beliau seorang ulama yang menguasai bidang *fiqh*, *uṣūl al-fiqh*, ilmu kalam, bahasa dan sastera. Al-Qaffāl telah menyebarkan Mazhab al-Syāfi‘iy di Trans Sihun, bahkan sehingga mengalahkan Mazhab al-Ḥanafiy yang sebelumnya mendominasi wilayah ini (al-Marāghiy, 2001:132).

<sup>3</sup> Nama sebenar Abū Bakr al-Abhāriy ialah Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ṣāleḥ bin ‘Umar. Beliau dilahirkan pada tahun 289H bersamaan 375M dan meninggal dunia pada tahun 901H bersamaan 985M. Beliau merupakan seorang ulama Mazhab al-Mālikiy yang sangat fanatik. Beliau juga pakar dalam bidang ilmu qiraat. Selain itu, beliau juga mempunyai kepakaran membaca al-Qur'an dalam pelbagai qiraat (al-Marāghiy, 2001:135).

<sup>4</sup> Nama penuh al-Bāqillāniy ialah Muḥammad bin al-Ṭayyib bin Muḥammad bin Ja‘fār bin al-Qāsim. Beliau dilahirkan di Başrah dan menetap di Baghdad. Beliau adalah seorang ahli pemikir ilmu *fiqh* dalam Mazhab al-Mālikiy (al-Marāghiy, 2001:144).

<sup>5</sup> Nama sebenar al-Juwainiy ialah ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf bin Muḥammad bin Ḥayyuyah al-Juwainiy al-Naysaburiy (Nawir Yuslem, 2007). Nama gelaran beliau ialah Imām al-Ḥaramayn al-Juwainiy. Beliau dilahirkan pada tahun 419H bersamaan 1027M dan meninggal dunia pada tahun 478H bersamaan 1085M. Beliau banyak meenghasilkan karya dalam pelbagai bidang. Misalnya, karya beliau dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* ialah *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* (al-Marāghiy, 2001:160).

<sup>6</sup> Kitab *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* merupakan kitab utama dalam bidang ilmu *uṣūl al-fiqh*. Kitab ini membincangkan pemikiran al-Juwainiy dalam bidang *uṣūl al-fiqh*. Di samping itu, beliau juga memperkenalkan konsep *maṣlahāt* dalam mengistinbatkan (mengeluarkan) hukum dan dapat menyelesaikan masalah yang berlaku (Nawir Yuslem, 2007:48).

diperkenalkan pula oleh al-Ghazāliy<sup>7</sup> yang merupakan murid kepada al-Juwayniy. Beliau telah menghuraikan konsep yang dibawa oleh gurunya dalam karangan beliau yang bertajuk *al-Mustasfā*. Al-Ghazāliy (1996:258) menyusun konsep *al-darūriyyat* yang dicetuskan oleh al-Juwayniy iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta (Gamal Eldin Attia, 2010:17; Jasser Auda, 2014:35).

Dari sudut yang lebih luas, al-Ghazāliy (1997:174) menyatakan *al-darūriyyat* ialah *maṣlahat* yang perlu dipelihara dalam kehidupan manusia sama ada ia berkaitan dengan keagamaan dan keduniaan. Apabila kehilangan *maṣlahat* tersebut, maka kemaslahatan dunia turut tidak stabil. Hal ini menyebabkan manusia akan menghadapi kesulitan, kerosakan, hilangnya kehidupan, hilangnya kenikmatan, dan mengalami kerugian. Dalam perkataan lain, *al-darūriyyat* merupakan *maqāṣid* yang perlu dipelihara supaya dapat menjaga kemaslahatan yang boleh membawa kepada kesejahteraan hidup manusia sama ada di dunia dan di akhirat. Oleh itu, sekiranya *maqāṣid* tidak dipelihara dengan baik, kehidupan manusia tidak akan selamat kerana berlaku kesulitan dalam hidup.

Selepas al-Ghazāliy, muncul pula al-Syāṭibiy<sup>8</sup>. Beliau seorang ulama kemuncak yang mengarang karya klasik khusus tentang *maqāṣid al-syāṭibiyat*. Menurut

---

<sup>7</sup> Nama sebenar beliau ialah Abū Ḥāmid al-Ghazāliy. Namun beliau lebih dikenali dengan nama Imam al-Ghazāliy. Beliau dilahirkan pada tahun 453 H bersamaan 1058M dan meninggal dunia pada tahun 505 H bersamaan 1111M. Beliau seorang yang pakar dalam Mazhab al-Syāṭibiy. Beliau mampu memahami dengan mendalam pelbagai cabang ilmu seperti *fiqh*, ilmu khilaf, usuluddin, mantik, hikmah dan falsafah (al-Marāghiy, 2001:171).

<sup>8</sup> Nama sebenar beliau ialah Abū Iṣhāq Ibrāhīm bin Mūsā al-Gharnāṭiy al-Syāṭibiy. Beliau meninggal dunia pada tahun 790H bersamaan 1388M. Al-Syāṭibiy merupakan seorang yang pakar dalam bidang *uṣūl al-fiqh*, tafsir, bahasa, Hadith dan lain-lain (al-Marāghiy, 2001:276).

Jasser Auda (2014:40), al-Syātibiy telah mengemukakan teori *maqāṣid* melalui tiga kaerah. Pertama, daripada *maṣāliḥ al-mursalat*<sup>9</sup> kepada *uṣūl al-syari‘at* (asas-asas syariah); kedua, daripada *al-hikmat min warā’ al-ahkām* (hikmah di sebalik hukum-hakam) kepada *qawā‘id al-ahkām* (kaerah-kaerah untuk hukum-hakam); dan ketiga, *al-żanniyyat* (ketidakpastian) kepada *al-qat‘iyyat* (pasti). Ketiga-tiga teori ini telah dibincangkan dalam karya klasiknya bertajuk *al-Muwāfaqāt* yang menjadi rujukan utama dalam bidang *maqāṣid al-syari‘at* sehingga kini.

### **1.2.2 Perkembangan *Maqāṣid al-Syari‘at* Pada Zaman Kontemporari Dan Arus Perdana**

Perkembangan *maqāṣid al-syari‘at* pada zaman kontemporari merujuk kepada zaman selepas al-Syātibiy 478 H. Hal ini disebabkan *magnum opusnya* (karya agung) iaitu Kitab *al-Muwāfaqāt* tidak dijadikan sebagai rujukan oleh para pengkaji dalam tempoh yang agak lama. Namun begitu, kitab tersebut telah diperkenalkan semula oleh Muḥammad ‘Abduh yang dikenali sebagai tokoh gerakan pembaharuan. Muḥammad ‘Abduh telah menemui Kitab *al-Muwāfaqāt* pada penghujung abad ke-19. Pada tahun 1884M, Kitab *al-Muwāfaqāt* telah diterbitkan semula di Tunisia (Khalid Masud, 2005:82; Ammar Fadzil, Ahmed al-Mogtaba Bannga & Afandi Awang Hamat, 2008:1). Beliau memperkenalkan semula kitab ini supaya dikaji dan dirujuk kembali oleh para sarjana. Di samping itu, Kitab *al-Muwāfaqāt* juga dijadikan sebagai rujukan oleh mahasiswa Universiti al-Azhar (Martin, 2012; Mohd Rumaizuddin Ghazali, 2014:21; Moch. Cahyo Sucipto, 2018:2). Setelah Kitab *al-Muwāfaqāt* berjaya diperkenalkan semula untuk dijadikan sebagai rujukan dalam bidang syariah, al-

---

<sup>9</sup> Salah satu daripada sumber hukum yang berpaksikan *al-ra'y* (pandangan) atau *al-‘aql* (akal).

Syātibiy dikenali sebagai tokoh ilmu *maqāṣid al-syari‘at* yang ulung dan menjadi rujukan kepada sarjana kontemporari.

Selain memanfaatkan karya dan pemikiran sebelum dan sezamannya, al-Syātibiy turut meninggalkan kesan terhadap wacana *uṣūl al-fiqh* dan *maqāṣid al-syari‘at* selepas zamannya terutama dalam bidang pemikiran Islam (Marwan Bukari A. Hamid, 2021:153). Menurut Muḥammad ‘Abd Allāh Darrāz (2011:31), terdapat dua faktor yang menyebabkan Kitab *al-Muwāfaqat* tidak dikaji. Pertama, perbahasannya yang baru; dan kedua, kaedah penulisannya berbeza. Dalam perkataan lain, Kitab *al-Muwāfaqat* telah mengalami fasa pemurnian sehingga pemikiran al-Syātibiy diterima semula untuk dikaji dan dijadikan panduan dalam ilmu *uṣūl al-Fiqh*. Terdapat sebilangan sarjana *uṣūl al-fiqh* kontemporari yang membincangkan berkenaan *maqāṣid al-syari‘at* seperti Ibn ‘Āsyūr, ‘Allāl al-Fāsiy, al-Qaraḍāwiyy, al-Raysūniy, Jasser Auda dan Mohammad Hashim Kamali (Muhammad Sayuti Mansor & Mohd Anuar Ramli, 2016:227).

Seiring dengan arus perkembangan semasa, *maqāṣid al-syari‘at* juga mengalami proses perkembangan ilmu pengetahuan. Muhammad Sayuti Mansor dan Mohd Anuar Ramli (2016:228) menyatakan terdapat tiga penanda aras berlakunya perkembangan ilmu *maqāṣid al-syari‘at*. Pertama, *maqāṣid al-syari‘at* tidak lagi menjadi subtopik kepada *māṣālih mursalaṭ*, malah ia telah terbentuk menjadi satu disiplin ilmu yang berhasil daripada idea-idea dan pemikiran para sarjana. Misalnya, ‘*maqāṣid-based ijtihad*’ yang dipelopori oleh Jasser Auda (2014:13-15) dan Mohammad Hashim Kamali (2012:265); ‘*al-fikr al-maqāṣidiy*’ oleh al-Raysūniy (2014); dan ‘*fiqh maqāṣid*’ oleh al-Qaraḍāwiyy (2012).

Kedua, berlaku perubahan dari sudut perbincangan dalam ilmu *maqāṣid al-syari‘at*. Misalnya, pembahagian elemen dalam *darūriyyāt al-khams*. Hal ini disebabkan sarjana pada zaman klasik memfokuskan *darūriyyāt al-khams* terhad kepada individu sahaja. Namun begitu, sarjana *uṣūl al-fiqh* kontemporari telah mengemukakan idea baru berkaitan *darūriyyāt al-khams* dalam bentuk yang lebih umum. Idea tersebut dapat dimanfaatkan kepada masyarakat keseluruhannya dan berbentuk penjagaan (Mohammad Hashim Kamali, 2011:265; Jasser Auda, 2014:13-15). Oleh yang demikian, ilmu *maqāṣid al-syari‘at* semakin berkembang mengikut keadaan semasa. Hal ini dapat membantu manusia untuk menikmati hidup dengan lebih baik.

Ketiga, sarjana *uṣūl al-fiqh* kontemporari telah menambah aspek penjagaan dan pemeliharaan dalam *maqāṣid al-syari‘at*. Terdapat sebilangan sarjana *uṣūl al-fiqh* kontemporari dan arus perdana yang mengemukakan aspek penjagaan dan pemeliharaan yang baharu dalam *maqāṣid al-syari‘at* seperti Ibn ‘Āsyūr (1998), al-Qaraḍāwiy (2012), al-Raysūniy (2014), dan Jasser Auda (2014). Misalnya, kebebasan, keadilan, persamaan dan hak-hak asasi manusia (al-Qaraḍāwiy, 2012:28-29; Jasser Auda, 2014:46-50).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa ilmu *maqāṣid al-syari‘at* semakin berkembang dengan idea-idea yang baharu oleh sarjana *uṣūl al-fiqh* kontemporari sehingga ilmu *maqāṣid al-syari‘at* menjadi satu disiplin ilmu yang sangat penting dalam kehidupan. Sehingga kini, *maqāṣid al-syari‘at* menjadi satu disiplin ilmu yang diminati ramai oleh para penyelidik hasil daripada perkembangan dan transformasi oleh sarjana *uṣūl al-fiqh* kontemporari melalui karya-karya yang mereka telah hasilkan

(Muhammad Sayuti Mansor & Mohd Anuar Ramli, 2016:229). Ilmu *maqāṣid al-syari‘at* semakin berkembang dari zaman ke zaman yang lain sehingga dapat melahirkan ramai tokoh baharu dan dapat diperkembangkan lagi perbincangan tentang *maqāṣid al-syari‘at* dalam pelbagai aspek kehidupan manusia (Mohd Anuar Ramli, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, Mohammad Fuad Mohd Rozib & Mohd Farhan Md Ariffin, 2016). Hasil daripada perkembangan ilmu *maqāṣid al-syari‘at*, terdapat banyak wacana dan kajian yang telah dilakukan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi Islam.

Dalam pada itu, zaman kontemporari ini merujuk kepada perkembangan *maqāṣid al-syari‘at* selepas al-Syāṭibiy (478H). Selepas al-Syāṭibiy perkembangan ilmu *maqāṣid al-syari‘at* semakin luas perbincangannya sehingga menghasilkan ramai ulama kontemporari. Namun begitu, tidak semua ulama kontemporari yang membentuk pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Oleh yang demikian, sarjana ekonomi Islam arus perdana yang membentuk pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana ialah Muhammad Nejatullah Siddiqi, M. Fahim Khan, M. Umer Chapra, Syed Nawab Haider Naqvi, Hafas Furqani dan Mohamed Aslam Haneef, Mohammad Anas Zarqa, Abdullahi Abubakar Lamido, Muhammad Akram Khan, Mohammad Abdul Mannan, Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairul Nizam Wahid, Abdel Rahman Yousri Ahmed, Monzer Khaf dan Mohd Daud Bakar. Secara tidak langsung, ulama-ulama klasik juga terlibat dalam menyumbang kepada pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Malah, idea dan pemikiran ulama-ulama klasik dijadikan sebagai rujukan oleh ulama kontemporari untuk diaplikasikan dalam ekonomi Islam.

### **1.2.3 *Maqāṣid al-Syari‘at* dalam Ekonomi Islam Arus Perdana**

*Maqāṣid al-syari‘at* mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi Islam. Salah satu daripada elemen *maqāṣid al-syari‘at* ialah mementingkan pemeliharaan harta. Hal ini disebabkan pemeliharaan harta termasuk dalam kategori *darūriyyāt al-khams* (Ahcene, 2013:10). Secara umumnya, *maqāṣid al-syari‘at* ialah ilmu yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia. Kini, *maqāṣid al-syari‘at* digunakan secara meluas sebagai pendekatan dalam menganalisis data (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2016; Mohd Anuar Ramli, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, Mohammad Fuad Mohd Rozib & Mohd Farhan Md Ariffin, 2016). Terdapat dua pendekatan *maqāṣid al-syari‘at*. Pertama, *maqāṣidiy* iaitu pendekatan yang memfokuskan objektif berbanding format. Kedua, *syakl*, iaitu pendekatan yang tertumpu kepada bentuk atau format (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2016).

Seterusnya, terdapat aliran pemikiran yang mengaplikasikan pendekatan *maqāṣid al-syari‘at* dalam menentukan hukum. Misalnya, aliran pemikiran liberal yang didukung oleh gerakan Islam liberal. Aliran ini merupakan aliran yang baru berkembang dalam kalangan masyarakat Islam. Pada awalnya, aliran pemikiran ini terpengaruh dengan tokoh-tokoh Barat seperti John Locke. Kemudian, aliran ini telah mempengaruhi beberapa orang sarjana Islam. Antaranya, Nasr Hamid Abu Zayd, Arkoun dan M. Shahrur (Hamid Fuad Zarkasyi, 2012:6; Muhammad Sayuti Mansor dan Mohd Anuar Ramli (2016:235)).

Dalam pada itu, gerakan Islam liberal ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, menuntut hak asasi manusia; dan kedua, lelaki dan wanita berhak untuk

mendapat peluang dan perlindungan samarata menurut perspektif Barat. Hal ini menunjukkan bahawa gerakan Islam liberal ini mempunyai sikap apologetik<sup>10</sup> terhadap Barat (Muhammad Sayuti Mansor & Mohd Anuar Ramli, 2016:235). Mereka berusaha untuk menyesuaikan ajaran Islam mengikut corak pemikiran Barat. Justeru, bagi mencapai matlamat dan tujuan yang digariskan, mereka mengaplikasikan pendekatan *maqāṣid al-syārī‘at* untuk menyesuaikan aspek-aspek yang berkaitan dengan *maqāṣid al-syārī‘at* dengan dasar-dasar hak asasi manusia Barat. Misalnya, kebebasan beragama, kesamarataan gender dan keadilan undang-undang Barat. Penyesuaian ini dilihat sama seperti yang telah diaplikasikan oleh sarjana Barat iaitu Abdullahi Ahmed al-Na’im dan Sa’id al-‘Ashmawi (Johnson, 2007:152-164). Penyesuaian yang dilakukan oleh aliran liberal ini merupakan cara untuk mereka memperdayakan masyarakat Muslim berkenaan penentangan mereka terhadap syariat Islam secara jelas. Aliran ini cuba berselidung dengan mengaplikasikan pendekatan *maqāṣid al-syārī‘at* supaya dapat melakukan interpretasi semula dan dekonstraksi ajaran Islam yang sedia ada (Muhammad Sayuti Mansor & Mohd Anuar Ramli, 2016:235). Menurut Abdul Rahman Abdullah (2014:240), usaha untuk melakukan penyesuaian supaya selaras dengan ajaran Islam dikenali sebagai akomodatif yang bersifat apologetik. Selain aliran pemikiran liberal yang menggunakan *maqāṣid al-syārī‘at* sebagai pendekatan penyesuaian, ia juga wujud dalam ekonomi Islam.

Terdapat empat aliran pemikiran dalam ekonomi Islam. Pertama, aliran pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat eklektisme-metodologik<sup>11</sup>. Aliran

---

<sup>10</sup> Menurut Abdul Rahman Abdullah (2014:240), apologetik bermaksud mempertahankan agama melalui hujah-hujah akal (*reasoned defences*). Dalam konteks kajian ini, penyesuaian dilakukan berdasarkan pemikiran Barat.

<sup>11</sup> Akomodatif yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran ekonomi konvensional untuk menjadikannya sebagai ekonomi Islam,

pemikiran ini merupakan aliran pemikiran yang bersifat terbuka dalam menerima ekonomi neo-klasikal. Di samping itu, mereka juga bersetuju bahawa teori ekonomi neo-klasikal boleh diubah untuk menjadikannya Islam. Dari sudut metodologinya pula, aliran pemikiran ini mengambil perkara yang sesuai untuk digabungkan ke dalam ekonomi Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2014:6).

Kedua, aliran pemikiran ekonomi Islam sepenuhnya yang meyakini bahawa ekonomi Islam perlu bertunjangkan tasawur Islam. Walau bagaimanapun, aliran pemikiran yang mendominasi ekonomi Islam pada masa ini ialah aliran pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat eklektisme-metodologik. Terdapat sebilangan sarjana ekonomi Islam arus perdana yang menjadi perintis dalam aliran pemikiran ini iaitu Monzer Khaf (1987), Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988), Muhammad Abdul Mannan (1984), M. Umer Chapra (2001), Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002) dan Khurshid Ahmad (1992 & 2004). Muhammad Abdul Manan (1984) menggunakan pendekatan eklektik yang meminjam pemikiran daripada ekonomi konvensional. Muhammad Nejatullah Siddiqi (1998) dan Monzer Khaf (1987) pula mengintegrasikan pendekatan ekonomi konvensional dengan fiqh. Pendekatan ini juga dikenali sebagai pendekatan ‘neo-klasikal<sup>12</sup> yang berdasarkan fiqh’ (*fiqh based neo-classical*) (Muhammad Syukri Salleh, 2014).

Menurut Asyraf Wajdi Dusuki (2013), pendekatan akomodatif-modifikasi yang bersifat eklektisme-metodologik merupakan pendekatan yang praktikal untuk

---

manakala eklektisme-metodologik pula merujuk kepada pendekatan yang fleksibel. Pendekatan ini memilih apa-apa yang dirasakan baik dan diguankannya dalam ekonomi Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2014:6).

<sup>12</sup> Neo-klasikal yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ekonomi konvensional.

digunakan dalam ekonomi Islam. Hal ini disebabkan teori dan amalan dalam ekonomi konvensional sangat kukuh dan mantap. Oleh yang demikian, sarjana ekonomi Islam boleh menggunakan teori ekonomi konvensional sebagai langkah awal dan penyaringan untuk mengambil perkara-perkara yang dibenarkan Islam, mengubahsuai perkara yang tidak menepati syariat Islam dan menolak perkara yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Senada dengan Mansor Md Isa (2009) ialah Asyraf Wajdi Dusuki (2013) yang menyatakan pendekatan ini mengamalkan sifat terbuka dan akomodatif Islam dalam menerima khazanah ilmu Islam.

Ketiga, aliran pemikiran alternatif yang mengambil pendekatan meneliti alternatif-alternatif dalam ekonomi Islam secara kritis. Selain itu, aliran pemikiran ini mengkaji ekonomi dengan lebih menyeluruh. Keempat, aliran pemikiran campuran yang menggabungkan isme-isme bukan Islam dalam ekonomi Islam (Muhammad Syukri Saleh, 2014; Ahmad Mauliziden, 2017:60). Antara keempat-empat aliran pemikiran dalam ekonomi Islam, aliran pertama adalah aliran pemikiran yang mendominasi ekonomi Islam masa ini dikenali sebagai ekonomi Islam arus perdana.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa *maqāṣid al-syārī‘at* merupakan satu disiplin ilmu yang tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Peranan utama syariah adalah mengelakkan berlakunya kecelaruan antara kebaikan dengan keburukan (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2012:12). Jika diteliti secara mendalam, pendekatan pemikiran akomodatif-modifikasi yang bersifat eklektisme-metodologik ini dilihat bercampur aduk antara teori-teori ekonomi konvensional dengan ekonomi Islam. Dalam perkataan lain, teori-teori yang telah diubah masih lagi bercampur dengan teori-teori ekonomi konvensional dalam ekonomi Islam arus perdana.

Meskipun beberapa teori-teori ekonomi konvensional telah diadaptasi menjadi selari dengan Islam, ia tetap tidak membenarkan beberapa teori lain yang masih lagi berada dalam acuan barat.

Dalam berinteraksi dengan *maqāṣid al-syari‘at*, al-Ghazāliy (1993) menjelaskan bahawa *maṣlaḥat* ialah perkara yang menghasilkan manfaat (*maṣlaḥat*) dan menolak perkara yang boleh memberi kemudarat (*mafsadat*). Walau bagaimanapun, maksud perkara yang boleh menghasilkan manfaat dan menolak perkara yang boleh memberi kemudarat itu bukan untuk memenuhi kehendak manusia, tetapi bertujuan menjaga tujuan syariat. Terdapat lima perkara yang perlu dijaga. Pertama, menjaga agama; kedua, menjaga nyawa; ketiga, menjaga akal; keempat, menjaga keturunan; dan kelima, menjaga harta, manakala apa-apa yang menghilangkannya adalah *mafsadat*. Menolak *mafsadat* pula adalah *maṣlaḥat* (Muhammad Khalid Masud, 1995). Sehubungan itu, *maqāṣid al-syari‘at* perlu diaplikasikan dengan tepat supaya mencapai tujuan dan matlamat yang betul.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, *maqāṣid al-syari‘at* merupakan satu disiplin ilmu yang cuba dikaitkan dengan pelbagai bidang kehidupan umat Islam (Wan Mohd Yusuf Wan Chik, 2017:1). Perkembangan ilmu *maqāṣid al-syari‘at* dari zaman klasik kepada zaman kontemporari telah memperkuuhkan lagi ilmu pengetahuan yang berasaskan syariat Islam. Di samping itu, ia dijadikan sebagai panduan oleh sarjana Muslim untuk menangani pelbagai masalah yang muncul kesan daripada perubahan zaman dan tempat (Ridzwan Ahmad, 2016:15). Oleh itu, *maqāṣid al-*

*syari'i'at* sangat penting dalam kehidupan manusia kerana ia dapat membantu manusia supaya bertindak mengikut prinsip Islam.

Hasil dari perkembangan ilmu *maqāṣid al-syari'i'at* ini, telah lahir pelbagai pendekatan baharu terhadap ilmu *maqāṣid al-syari'i'at*. Misalnya, pendekatan dalam pemikiran liberal yang menjadikan *maqāṣid al-syari'i'at* sebagai teras utama untuk membenarkan bentuk aliran pemikiran ini. Namun begitu, pendekatan yang dilakukan telah mencetuskan polemik dalam kalangan masyarakat (Muhammad Sayuti Mansor & Mohd Anuar Ramlie, 2016:235). Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2016:1), kewujudan pelbagai aliran hukum bukanlah suatu fenomena baharu yang berlaku dalam masyarakat Islam, malah ia juga pernah berlaku sewaktu zaman Nabi Muhammad SAW.

Seiring dengan perkembangannya, muncul pula pelbagai aliran dan fahaman yang mengaplikasikan *maqāṣid al-syari'i'at*. Sebahagian daripada aliran ini menggunakan *maqāṣid al-syari'i'at* menurut mereka sendiri. Aliran ini menganggap hukum Islam yang dihasilkan oleh sarjana Islam terdahulu tidak boleh diaplikasikan dalam konteks semasa (Muhammad Sayuti Mansor & Anuar Ramlie, 2016). Natijahnya, *maqāṣid al-syari'i'at* diaplikasikan secara bebas tanpa penguasaan yang jelas dan benar boleh memberi kesan yang buruk terhadap agama Islam. Hal ini akan menyebabkan aliran pemikiran liberal bebas untuk menggunakan akal melebihi kehendak nas (Noor Naemah Abdul Rahman, Abdul Karim Ali & Ridzwan Ahmad, 2016: vii).

Disiplin ilmu *maqāṣid al-syārī‘at* juga diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi Islam. Menurut Muhammad Abdul Mannan (1986:22), ekonomi Islam ialah satu ilmu sosial yang mengkaji berkenaan masalah ekonomi dari perspektif Islam. Ilmu ini merangkumi pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Dalam pada itu, M. Umer Chapra (2001:30) menyatakan ekonomi Islam ialah cabang pengetahuan yang memberi panduan dan mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan manusia dengan merealisasikan tujuan *maqāṣid al-syārī‘at* melalui peruntukan dan pengagihan sumber tanpa mengabaikan kebebasan individu atau mengakibatkan berlakunya ketidak-seimbangan antara makro ekonomi dan ekologi. Menurut Ahcene Lahsasna (2013:10), *maqāṣid al-syārī‘at* merupakan aspek yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi Islam dan kewangan. Persoalannya, adakah *maqāṣid al-syārī‘at* mendasari aspek-aspek pembinaan dalam ekonomi Islam arus perdana? Bagaimana *maqāṣid al-syārī‘at* dinyatakan atau diaplikasikan dalam ekonomi Islam arus perdana?

Namun begitu, Muhammad Nejatullah Siddiqi (2004:3-6) menyatakan bahawa menggunakan pendekatan fiqh melalui *maqāṣid al-syārī‘at* untuk menggalakkan pembangunan ekonomi kebiasaannya gagal. Hal ini disebabkan *maqāṣid al-syārī‘at* tidak dapat diaplikasikan dalam keadaan semasa kerana ia terhad kepada menjaga atau memelihara manusia daripada perkara yang memberi mudarat. Sepatutnya, *maqāṣid al-syārī‘at* perlu dilihat dari sudut yang lebih luas. Misalnya, keadilan dan kesaksamaan, pembasmian kemiskinan, dan memelihara alam sekitar (Waleed A.J. Addas, 2008:113; Muhammad Akram Khan, 2013:69). Oleh itu, ahli ekonomi Islam dapat melebarkan skop perbincangan *maqāṣid al-syārī‘at* dengan lebih luas dalam ekonomi Islam untuk membantu masyarakat supaya hidup dalam keadaan sejahtera.

Terdapat banyak kajian berkenaan *maqāṣid al-syari‘at* yang dilakukan oleh para pengkaji dalam ekonomi Islam. Misalnya, Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2013) mengkaji produk kewangan patuh syariah dalam sektor pengurusan dana Islam berdasarkan *maqāṣid al-syari‘at*; Suhaimi Mustar dan Nasrul Hisyam Nor Muhammad (2014) mengaplikasikan *maqāṣid al-syari‘at* dalam fatwa berkaitan dengan isu pewarisan dalam nominasi insuran; Mohamad Akram Laldin (2013) mengurus dan membelanjakan harta dalam Islam; dan Zaharuddin Abd Rahman (2014) mengkaji *maqāṣid al-syari‘at* dari sudut *fiqh* kewangan Islam. Berdasarkan scenario ini, timbul beberapa persoalan yang perlu kepada penelitian semula. Adakah aliran pemikiran dalam ekonomi Islam arus perdana mengaplikasikan *maqāṣid al-syari‘at* hanya sebagai ikutan dan trend masa ini sahaja? Adakah pengaplikasian yang sedia ada itu tepat penggunaannya?

Selain itu, Muhammad Syukri Salleh (2014b), menyatakan bahawa ekonomi Islam arus perdana mempunyai tujuh kekurangan iaitu tasawur, andaian, konsep, kaedah penyelidikan, skop, operasi dan matlamat akhir. Hal ini berlaku disebabkan kecelaruan pendokongnya berkenaan tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional ekonomi Islam itu sendiri (Muhammad Syukri Salleh, 2014a:8). Menurut Zakaria Bahari (2014b:2-4), aliran ini mengambil andaian, konsep, falsafah, dan struktur ekonomi konvensional, kemudian diislamisasikannya menurut perspektif Islam. Sekiranya benar, ia akan memberi permasalahan dari sudut tasawur, andaian, konsep, kaedah penyelidikan, skop, operasi dan matlamat akhir. Oleh itu, kajian ini perlu dinilai pemikiran sarjana ekonomi Islam arus perdana.

Dalam pada itu, M. Umer Chapra (2001) menyatakan tunjang utama dalam ekonomi Islam berasaskan *maqāṣid al-syari‘at*. Selain itu, teori-teori ekonomi Islam juga dibina berdasarkan nilai-nilai Islam. Perkara ini menimbulkan persoalan. Apakah yang mendasari pemikiran sarjana ekonomi Islam arus perdana dalam membina konsep, falsafah dan struktur ekonomi Islam? Adakah ia selaras dengan prinsip *maqāṣid al-syari‘at*?

Berdasarkan isu dan persoalan yang dikemukakan inilah, maka kajian ini dilakukan. Kajian ini berhasrat untuk merumuskan corak pemikiran sarjana ekonomi Islam terhadap *maqāṣid al-syari‘at*. Hal ini bertujuan mengetahui trend dan gaya pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* oleh sarjana ekonomi Islam arus perdana. Ia juga wajar untuk dilakukan penilaian kerana penyelidik ingin menganalisis bagaimana pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* boleh terbentuk dalam pemikiran sarjana ekonomi Islam arus perdana.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, kajian ini secara umumnya adalah bertujuan mengkaji pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Secara lebih terperinci, kajian ini mempunyai tiga objektif kajian:

1. Mengenal pasti konsep pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana.

2. Menganalisis pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana.
3. Merumuskan corak pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Bagi memastikan kajian ini menjurus ke arah yang menepati dan mencapai objektif kajian yang dibentuk, penyelidik menggariskan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah konsep pemikiran *maqāṣid al-syari‘at*?
- ii. Apakah aliran pemikiran dalam ekonomi Islam arus perdana?
- iii. Apakah pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* menurut sarjana ekonomi Islam arus perdana?
- iv. Bagaimanakah pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dibentuk dalam ekonomi Islam arus perdana?
- v. Apakah corak pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* terbentuk dalam ekonomi Islam arus perdana?

Kesemua objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan dapat digambarkan dengan lebih jelas dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian**

Bil	Objektif Kajian	Bil	Persoalan Kajian
1	Mengenal pasti konsep pemikiran <i>maqāṣid al-syari‘at</i> dalam ekonomi Islam arus perdana	i	Apakah konsep pemikiran <i>maqāṣid al-syari‘at</i> ?
		ii	Apakah aliran pemikiran dalam ekonomi Islam arus perdana?
2	Menganalisis pemikiran <i>maqāṣid al-syari‘at</i> dalam ekonomi Islam arus perdana	iii	Apakah pemikiran <i>maqāṣid al-syari‘at</i> menurut sarjana ekonomi Islam arus perdana?
		iv	Bagaimanakah pemikiran <i>maqāṣid al-syari‘at</i> dibentuk dalam ekonomi Islam arus perdana?
3	Merumuskan corak pemikiran <i>maqāṣid al-syari‘at</i> dalam ekonomi Islam arus Perdana	v	Apakah corak pemikiran <i>maqāṣid al-syari‘at</i> dalam ekonomi Islam arus perdana?

Jadual 1.1 menunjukkan objektif-objektif kajian ini dapat dicapai dengan menjawab kesemua persoalan kajian yang ditetapkan. Bagi mencapai objektif kajian yang pertama, terdapat dua persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu persoalan i dan ii. Manakala untuk mencapai objektif yang kedua, terdapat dua persoalan yang perlu dijawab iaitu persoalan iii dan iv. Seterusnya, untuk mencapai objektif yang ketiga, terdapat satu persoalan kajian yang perlu dijawab iaitu persoalan v.

## 1.6 Definisi Operasional

Definisi operasional dilakukan terhadap beberapa kata kunci yang penting dalam kajian ini. Hal ini bertujuan menjelaskan maksud kata kunci tersebut di samping mengelakkan berlaku salah faham terhadap penggunaannya dalam kajian ini. Terdapat

tiga kata kunci dalam kajian ini. Pertama, pemikiran; kedua, *maqāsid al-syari‘at*; dan ketiga, ekonomi Islam arus perdana. Justifikasi bagi setiap kata kunci dalam kajian ini akan dibincangkan secara terperinci dalam setiap subtopik 1.6.1 hingga 1.6.3.

### **1.6.1 Pemikiran**

Kata kunci ‘pemikiran’ penting untuk didefinisikan kerana kata kunci ini merupakan subjek yang dianalisis dalam kajian ini. Frasa pemikiran merujuk kepada sesuatu perbuatan memikir atau memikirkan. Frasa memikir bermaksud berfikir, mengingati, atau merenung tentang sesuatu perkara, manakala perkataan memikirkan pula diertikan sebagai menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu, mempertimbangkan atau merenungkan sesuatu; atau mengingatkan sesuatu; atau mementingkan atau mengutamakan sesuatu; memperhatikan, mempedulikan atau mengendahkan sesuatu (*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003 & *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, 2005).

Shahibuddin Laming (2006:322) mendefinisikan pemikiran sebagai suatu alat yang dimiliki oleh manusia yang mahu berfikir. Ia merupakan alat yang digunakan oleh manusia dengan sifat-sifatnya seperti berbudi, arif, dan pakar yang dinamakan ‘hasil fikiran’. Mohd Azhar Abd. Hamid (2001) pula berpandangan bahawa pemikiran merupakan suatu proses bertujuan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah melibatkan olahan tertentu dan tindakan dalam minda seseorang.

Berdasarkan tinjauan penyelidik, sarjana barat juga turut mengemukakan pandangan berkenaan definisi pemikiran. George (1970) menyatakan pemikiran

sebagai suatu proses untuk menyelesaikan masalah dan perlakuan semula jadi yang kompleks. De Bono (1976) mengaitkan berfikir dengan pemikiran literal. Hal ini disebabkan berfikir bukan hanya untuk menyelesaikan masalah, namun berfikir juga dapat membantu untuk mencari solusi dari pelbagai perspektif untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.

Pandangan De Bono (1976) dilihat mempunyai sedikit persamaan dengan Chaffee (1988), namun Chaffee (1988), menambah bahawa berfikir juga merupakan satu proses membuat sesuatu keputusan. Begitu juga dengan Ruggiero (1984) menyatakan berfikir dapat memenuhi kehendak untuk lebih memahami. Ia melibatkan pengurusan proses berfikir dalam minda atau sistem kognitif menyelesaikan masalah seseorang (Mayer, 1977). Dewey (1957) pula menyatakan pemikiran yang terhasil adalah disebabkan oleh wujudnya keraguan atau timbulnya sesuatu masalah.

Menurut Wan Ali Akbar Wan Abdullah dan Nursafra Mohd Zaffar (2018), terdapat lapan istilah berfikir dalam al-Qur'an iaitu *tafākur*, *tadabbūr*, *tafaqquh*, *iktibar*, *tawassum*, *tadhakkur*, *ta 'āqul* dan *tafāhum*. Namun, istilah *tafākur* yang sering digunakan dalam menggambarkan pemikiran. Walau bagaimanapun, dari sudut praktikal al-Şuyūṭiy (2009:61) sebagaimana yang dinyatakan dalam Wan Ali Akbar Wan Abdullah dan Nursafra Mohd Zaffar (2018) telah menjelaskan bahawa amalan *tafākur* ialah isyarat agar manusia sentiasa mengingati nikmat yang diberikan oleh Allah SWT dan hanya Allah SWT sebagai tempat mengadu dan memohon pertolongan.

Sebagai rumusan kepada semua pengertian yang dikemukakan sebelum ini, pemikiran ialah sesuatu keputusan yang dipersetujui umum dibuat berdasarkan penyelesaian masalah terhadap sesuatu isu sehingga membina cara bertindak bersama secara dalaman dan luaran. Takrifan yang dikemukakan ini dilihat menyeluruh dan menepati kehendak kajian yang dilakukan oleh penyelidik iaitu pemikiran *maqāṣid al-syari‘at* dalam ekonomi Islam arus perdana. Oleh itu, definisi pemikiran inilah yang akan digunakan dalam kajian ini.

### 1.6.2 *Maqāṣid al-Syari‘at*

Bagi memahami kata kunci *maqāṣid al-syari‘at*, penyelidik membahagikan pentakrifan kepada dua bahagian. Pertama, *maqāṣid*; dan kedua, *syari‘at*. Dalam bahasa Arab *maqāṣid* merupakan kata jamak bagi perkataan *maqṣad* yang bermaksud tujuan, objektif atau matlamat (al-Fayrūz Abādiy, 1997:449). Asal perkataan *maqāṣid* ialah *qaṣada* yang dikenali sebagai kata kerja. Perkataan ini mempunyai banyak makna antaranya menuju, arah, berjalan lurus, memecahkan, pegangan, punca, kelurusan, keadilan, dan kesederhanaan (Ibn Manzūr, 1993 & al-Fayrūz Abādiy, 1997:449). Allah SWT juga menerangkan makna *qaṣada* dalam al-Qur'an menerusi FirmanNya:

وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ الْسَّبِيلِ وَمِنْهَا جَائِزٌ وَلَوْ شَاءَ لَهُ دِكْرٌ كُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya: "Dan kepada Allah SWT jualah tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus; dan di antara jalan-jalan yang dituju ada yang terpesong dari kebenaran; dan jika ia kehendaki, tentulah ia memberi petunjuk kepada kamu semua (yang menyampaikan ke jalan yang lurus)" (al-Nāḥl, 16:9).

Berdasarkan ayat 9 daripada Surah al-Nahl (16) ini, *qasdā* bermaksud menentukan dan menunjukkan jalan yang lurus. Jalan yang dimaksudkan itu tidak ada sebarang penyelewengan (Ibn Manzūr, 1993). Menurut HAMKA (1990e: 3893) yang memetik pandangan Ibn ‘Abbās mengatakan, Allah SWT menunjukkan jalan yang perlu dilalui dan jalan yang perlu dijauhi kerana boleh membawa kepada kesesatan. Senada dengan HAMKA (1990e:3893) ialah al-Zuhayliy (2016g:350) yang berpandangan bahawa jalan yang lurus ialah jalan yang membawa kebenaran dan kebaikan melalui al-Qur'an dan utusan para rasul. Dalam perkataan lain, jalan yang lurus ialah jalan yang membantu manusia untuk memandu kehidupan supaya tidak lalai dan sesat.

Perkataan *al-syari‘at* pula berasal daripada kata kerja *syara‘a*. Kata kerja ini membawa pelbagai maksud iaitu mengambil air dengan mulut, memulakan sesuatu, dekat dengan jalan, meninggikan sesuatu, menetapkan dan menjelaskan sesuatu (Ibn Manzūr, 1993:86). Zulkifli Mohamad (2014) menyatakan *syari‘at* bermaksud suruhan atau peraturan yang diturunkan Allah SWT melalui Rasulullah SAW untuk seluruh umat manusia. Ia merangkumi ibadah, akhlak, makanan, minuman, pakaian, dan muamalah. Dalam al-Qur'an, perkataan *syara‘a* disebut dalam beberapa ayat. Antaranya ialah dalam ayat 18 daripada Surah al-Jāthiyat (45). Allah SWT berfirman:

﴿ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utusan engkau) menjalankan satu *syariat* (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka ikutlah *syariat* itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)" (al-Jāthiyat, 45:18).